



# Tahun Melawat PERLIS 2003-2005 (TMP)

Dengan Kerjasama : Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perlis

Pada awal tahun 2002, Kerajaan Negeri Perlis telah mengumumkan untuk mengadakan program bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan. Pada peringkat awal, ia dikenali sebagai Tahun Melawat Perlis 2003, tetapi kemudiannya ditukar menjadi Tahun Melawat Perlis 2003-2005 (TMP) dan dilancar pada 10 Mei 2003 di Kuala Perlis. Sempena TMP 2003-2005 ini, tema yang dipilih adalah "PERMAI LAGI MEMPESONA" dan ianya disokong oleh tujuh pesona yang terdapat di negeri Perlis.

Matlamat dan objektif Tahun Melawat Perlis 2003-2005 adalah untuk menjadikan Perlis sebagai satu destinasi pelancongan yang permai lagi mempesona. Manakala objektif TMP 2003-2005 adalah meningkatkan bilangan pelawat, menambah bilangan pelancong serta purata tempoh tinggal, menjadikan Perlis sebagai destinasi pelancongan alam semulajadi (nature-based tourism) dan pelancongan tani (agro-tourism), serta meningkatkan KDNK negeri Perlis melalui sumbangan sektor pelancongan. Bagi mencapai matlamat dan objektif ini beberapa strategi telah diatur antaranya ialah:

- Menaikkan taraf produk pelancongan sediaada dan memperkenalkan produk-produk baru yang akan dibangunkan dengan cara yang teliti dan mampan;
- Membangunkan pelancongan bercirikan sumberjaya semulajadi yang unik;
- Memperbaiki kemudahan sokongan sediaada, seperti pengangkutan, penginapan, dsb.; dan
- Menyediakan satu pelan pemasaran yang kukuh.

Terdapat 74 acara yang telah dijalankan di Negeri Perlis bersempena dengan TMP 2003-2005 ini. Daripada keseluruhannya, 18 adalah acara peringkat kebangsaan, dan bakinya adalah acara-acara peringkat negeri. Antaranya ialah, Lawatan Mega Fam dari China, Pelancaran Program Pelancongan Pelajar, International Challenge Day, IMTGT Exposition dan Conference, Karnival Udara Perlis, Pesta Harumanis, Penutupan Bulan Pesta Air Peringkat Nasional 2003, Pesta Wau Asean dan banyak lagi.

